

TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN KEJURUTERAAN

Nor Fadila Mohd Amin & Adibah Binti Abd. Rahim
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif untuk mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya dalam kalangan pelajar tahun empat di Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 41 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 53 item. Kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan nilai alpha bagi instrumen kajian iaitu $\alpha = 0.86$. Data yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 15.0 untuk mendapatkan nilai alpha serta analisis deskriptif berbentuk frekuensi dan peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kemahiran membaca, menulis dan mendengar dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah sederhana manakala bagi kemahiran bertutur pula adalah rendah. Pada keseluruhannya, tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar adalah sederhana. Walau bagaimanapun pelajar berpendapat penguasaan Bahasa Inggeris adalah penting sebagai persediaan untuk kerjaya.

Abstract: This descriptive research was carried out to identify the mastery of English language proficiency level as for career preparation for 4th year students of Technical and Engineering Education Department, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. As many as 41 students had been chosen as research sample. The research instruments used in this study was questionnaire which consists of 53 items. Pilot study was done to determine the value of Alpha for the research instruments which is indicated at 0.86. All the data collected were being analysed by using computer with Statistical Packages for Social Science (SPSS) Version 15.0 to determine the value of Alpha, frequency and percentage. Research showed that the skill level of reading, writing, and listening among students are moderate. On the other hand, the skill level of speaking is low. In conclusion, the mastery of English language proficiency level among students is moderate. However students perceive that English language is important for career preparation.

Katakunci: Bahasa Inggeris, Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS)

Pengenalan

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam bidang sains dan teknologi, perubatan perdagangan dan lain-lain memang jelas, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan pengetahuan ekonomi. Dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, Bahasa Inggeris banyak digunakan seolah-olah ia menjadi satu hakikat bahawa untuk memperolehi ilmu dan maklumat mesti menerusi Bahasa Inggeris. Ini menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa teknologi yang sangat penting (Fadhlina Mohd. Azizuddin, 2006).

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam sesi pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam subjek teknikal memberikan peluang pelajar dan guru untuk menimba ilmu dengan lebih mendalam lagi. Tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan bakal guru perlu berada pada tahap yang baik kerana bahasa merupakan alat yang digunakan dalam penyampaian maklumat ilmu pengetahuan. Pertukaran bahasa pengantar boleh membawa kejutan budaya bagi sesetengah golongan pelajar dan guru terutama cara

mereka berfikir dan memahami aspek-aspek yang dipelajari. Ini selari dengan pernyataan oleh Gilbert (1982) iaitu kepercayaan dan pengalaman lepas pelajar sangat sukar untuk diubah.

Penyataan Masalah

Penguasaan bahasa seseorang pelajar bergantung kepada aspek mendengar, membaca, menulis dan bertutur (Radha Nambiar, Noraini Ibrahim dan Pramela, 2008). Kemahiran-kemahiran ini merupakan empat kemahiran asas yang tidak boleh kurang dalam pembelajaran. Sebagaimana yang kita tahu apabila sesuatu pengajaran dijalankan maka pelajar akan memberi perhatian dengan mendengar apa yang diajar oleh pensyarah. Serentak dengan itu, mereka akan mencatatkan perkara penting dalam pengajaran tersebut. Apabila terdapat soalan atau tempat yang tidak faham atau kurang faham, mereka akan bertanya dengan bertutur kepada pensyarah. Selepas sesuatu pengajaran biasanya pensyarah akan meminta pelajar membaca atau dipanggil membuat ulang kaji di rumah sebelum kuliah seterusnya diadakan. Inilah merupakan perkaitan di antara empat kemahiran ini yang biasa digunakan dalam pembelajaran. Jika kita mendengar sahaja, kita akan lupa dengan cepat berbanding kita mencatat sambil mendengar (Ab. Rahim Selamat, 2000).

Ini disokong oleh Marhaini Kamaruddin dan Amree Ahmad (2002) yang menyatakan bahawa kelemahan pelajar melayu terletak pada masalah penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris untuk pertuturan atau komunikasi. Daripada semua aspek inilah dapat diketahui penguasaan mereka terhadap kemahiran berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris. Ini sekaligus akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Menurut P.Ramanathan (Utusan Malaysia, Rabu, 19 Jun 2002), guru perlu memberi penjelasan dan penerangan tentang sesuatu topik dengan terperinci dan jika guru tidak mahir Bahasa Inggeris maka proses pengajaran dan pembelajaran di kelas akan terjejas. Masalah itu juga akan menjelaskan proses penyampaian ilmu kepada pelajar sekali gus menjelaskan proses pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik.

Daripada permasalahan yang telah dikenalpasti, penyelidik merasakan adalah penting untuk mengkaji tahap kemahiran membaca, bertutur, mendengar dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan juga mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar jurusan 4SPA/E/J.
2. Untuk mengenalpasti persepsi pelajar mengenai kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya.

Kepentingan Kajian

Tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan bakal guru amatlah penting di mana ia memerlukan bakal guru untuk menguasainya memandangkan subjek-subjek teknikal sudah diperkenalkan di dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar 4SPA/E/J. Di antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bakal-bakal guru dapat mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka dari aspek bertutur, membaca, menulis dan mendengar sebagai persediaan untuk kerjaya.

2. Bakal-bakal guru juga dapat mengenalpasti masalah mereka dalam berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan merancang strategi untuk mengatasi masalah tersebut.
3. Melalui dapatan kajian, bakal guru boleh berusaha dalam meningkatkan lagi tahap penguasaan komunikasi dalam Bahasa Inggeris mereka.
4. Proses pembelajaran juga boleh berjalan dengan lancar sekiranya bakal-bakal guru dapat menguasai kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris.
5. Dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak atasan seperti Ketua Jabatan agar lebih peka terhadap masalah komunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan mengadakan program yang bersesuaian untuk meningkatkan penguasaannya.

Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada mengenalpasti tahap kemahiran membaca, bertutur, mendengar dan menulis dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Ia juga tertumpu untuk mengenalpasti persepsi pelajar mengenai kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya.

Kajian ini hanyalah dijalankan dalam kalangan pelajar-pelajar tahun empat bagi jurusan pendidikan teknikal SPA/E/J sahaja.

Metodologi

Prosedur Persampelan

Menurut Mohd. Majid Konting (2000), persampelan merupakan satu proses mendapatkan sampel bagi mewakili populasi. Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Populasi ialah satu kumpulan elemen atau kes, sama ada individu, objek atau peristiwa yang menurut kriteria yang terperinci ataupun individu yang keputusannya boleh dibuat sebagai kesimpulan umum (Mc Millan, 1996). Populasi kajian bagi kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda di Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM. Kursus yang terlibat ialah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) serta Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera).

Pelajar tahun empat bagi setiap kursus dipilih sebagai sampel iaitu diwakili sebagai 4SPA/E/J. Pemilihan pelajar tahun empat ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian dimana hendak mengkaji tahap penguasaan Bahasa Inggeris serta persepsi pelajar mengenai kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya. Bilangan populasi bagi kajian ini berjumlah 41 orang pelajar.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil, penyelidik boleh menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel dan penyelidikan tersebut adalah sebuah kajian kes. Justeru itu, keputusan penyelesaian masalah yang dibuat adalah lebih tepat.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik sebagai satu kaedah untuk mendapatkan data kajian. Soal selidik ialah satu instrumen kajian yang mengandungi satu siri soalan di mana individu

menjawab berdasarkan kehidupan mereka atau kepercayaan mereka seperti melahirkan pendapat mereka. Kelebihan menggunakan soal selidik adalah membolehkan penyelidik mengumpul maklumat dalam jumlah yang besar dan boleh dibuat dalam masa yang singkat (Thomas, 2005).

Menurut Mohd. Majid Konting (2000), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel. Ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang diberikan. Melalui kaedah soal selidik ini juga, maklumbalas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus, cepat, menjimatkan masa dan perbelanjaan. Segala maklumat yang diterima boleh ditafsirkan secara kuantitatif.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji dari sudut kefahaman pelajar dari segi tatabahasa, isi kandungan, dan kebolehpercayaan item soal selidik. Menurut Noraini Hj. Md. Noor (1996), 10 set soal selidik boleh digunakan sebagai kajian rintis. Oleh itu, 10 set soal selidik telah diedarkan secara rawak ke atas 10 orang pelajar jurusan jabatan PTK iaitu 4 SPA/E/J. Data yang diperolehi daripada kajian rintis diproses dengan menggunakan perisian Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS). Nilai alpha yang diperolehi adalah 0.86. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), nilai koefisien melebihi 0.6 merupakan satu nilai kebolehpercayaan item ditahap boleh diterima pakai.

Tambahnya lagi, kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan keputusan itu iaitu tahap yang diperolehi oleh seseorang itu sememangnya melambangkan tahap kemahiran dalam sesuatu ujian. Manakala Mohd. Majid Konting (2000) menyatakan, meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.6 sering digunakan dan menjadi rujukan paling minimum untuk diterima. Nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai ialah antara 0.6 hingga 1.0.

Menurut Wiersma (1995), kajian rintis membolehkan penyelidik membuat pengubahaian daripada kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti. Oleh itu, Setiap soalan yang dibuat akan diteliti terlebih dahulu dan akan diubah sekiranya tidak sesuai atau terlalu umum untuk setiap objektif yang telah ditetapkan.

Perbincangan

Kemahiran yang dikaji untuk mengetahui tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar adalah dari aspek kemahiran membaca, mendengar, menulis dan bertutur. Keempat- empat aspek ini adalah merupakan empat kemahiran asas yang tidak boleh kurang dalam pembelajaran. Sebagaimana yang kita tahu apabila sesuatu pengajaran dijalankan maka pelajar akan memberi perhatian dengan mendengar apa yang diajar oleh pensyarah. Serentak dengan itu, mereka akan mencatatkan perkara penting dalam pengajaran tersebut. Apabila terdapat soalan atau tempat yang tidak faham atau kurang faham, mereka akan bertanya dengan bertutur kepada pensyarah. Selepas sesuatu pengajaran biasanya pensyarah akan meminta pelajar membaca atau dipanggil membuat ulang kaji di rumah sebelum kuliah seterusnya diadakan. Inilah merupakan perkaitan di antara empat kemahiran ini yang biasa digunakan dalam pembelajaran. Jika kita mendengar sahaja, kita akan lupa dengan cepat berbanding kita mencatat sambil mendengar (Ab. Rahim Selamat, 2000).

Tahap Kemahiran Membaca Dalam Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar.

Tahap kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Teknik-teknik atau amalan yang selalu diamalkan oleh pelajar dalam kemahiran membaca ini ialah mereka menentukan teknik yang sesuai apabila hendak membaca. Ini selari dengan pernyataan oleh Abdullah

Hassan dan Ainon Mohd (2002) iaitu dua perkara penting dalam proses membaca ialah mengetahui tujuan dan mampu memberi tumpuan. Apabila seseorang itu membaca, mula-mula sekali dia perlu menentukan apa tujuannya dia hendak membaca bahan itu. Apabila pelajar sudah tahu apa tujuannya, maka mereka akan lebih senang untuk menentukan teknik membaca yang sesuai untuk diri mereka.

Pelajar-pelajar juga didapati kurang gemar membaca buku-buku rujukan dan artikel-artikel dari internet atau sebagainya dalam Bahasa Inggeris. Ini bertentangan dengan pendapat dari Owi Kim Huei (2004) yang menyatakan membaca adalah untuk menambah ilmu di dada. Ini bermakna seseorang itu perlu membaca jurnal-jurnal, buku rujukan dan buku teks yang mengandungi ilmu dan bahan-bahan itu memang diterbitkan sebagai media ilmu. Selain daripada itu, Koutsogiannis dan Mitsikopoulou (2004) pula menyatakan membaca artikel berbahasa Inggeris dalam internet menggalakkan berpandangan jauh.

Pelajar juga mengamalkan teknik menandakan ‘highlight’ pada bahagian yang penting semasa membaca dalam Bahasa Inggeris. Apabila pelajar membaca artikel yang panjang mereka perlu menandakannya agar maklumat dapat dicari dengan pantas. Ini disokong oleh Owi Kim Huei (2004) yang menyatakan pelajar biasa menggunakan teknik ini apabila mencari maklumat dalam artikel yang panjang. Kata kunci yang dicari dapat membawa perhatian kepada maklumat tambahan.

Seperti yang kita tahu, penggunaan artikel atau apa-apa bahan dalam Bahasa Inggeris pada waktu sekarang adalah sangat meluas. Bahan-bahan tersebut mengandungi samada menggunakan bahasa yang mudah atau susah untuk difahami. Semasa membacanya, pelajar merujuk pada kamus apabila tidak tahu makna sesuatu perkataan. Ini dapat menambah ilmu mereka dalam mengenali sesuatu perkataan yang baru dan seterusnya menguasainya. Ia dapat diaplikasikan dalam proses pembelajaran di mana pensyarah biasanya akan memberi nota dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan untuk pemahaman yang lebih lanjut, para pelajar akan merujuk kamus. Apabila berada dalam situasi peperiksaan pula, soalan yang diberikan adakalanya menggunakan Bahasa Inggeris dan para pelajar mengamalkan membaca soalan tersebut berulang kali untuk memahaminya. Ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dari aspek membaca adalah sederhana sehingga terpaksa membacanya berulang kali.

Penggunaan Bahasa Inggeris pada waktu lapang pula seperti membaca akhbar dan novel pula kurang diamalkan oleh pelajar. Ia selari dengan pendapat oleh Ab. Rahim Selamat (2000) iaitu pada masa kini, sebagaimana bentuk sastera lama yang lain, novel kurang mendapat perhatian generasi muda. Mereka kurang mahu menggunakan ia di dalam penulisan mahupun pertuturan kerana berpandangan bahawa meskipun bahasanya tepat, padat dan ringkas tetapi ia sukar difahami. Amalan ini akan membuatkan pelajar lebih selesa menggunakan Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris.

Tahap Kemahiran Menulis Dalam Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar.

Selain daripada kemahiran membaca, kemahiran seterusnya yang penting juga adalah kemahiran menulis di kalangan pelajar. Komunikasi menggunakan tulisan sama pentingnya dengan komunikasi lisan atau elektronik khususnya golongan professional (Hashim Fauzy Yaacob, 1997). Tahap kemahiran menulis dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah pada tahap sederhana. Pelajar menyatakan bahawa mereka dapat menyampaikan sesuatu dalam Bahasa Inggeris dengan berkesan melalui penulisan. Selain daripada itu, pelajar mengamalkan mencatat nota apabila di dalam waktu kuliah mahupun membuat nota sendiri di luar kuliah. Ini disokong oleh Ab. Rahim Selamat (2000) yang menyatakan mencatat nota berlaku dalam semua situasi belajar seperti semasa kuliah, ceramah, penerangan, temuduga, membaca buku dan sebagainya. Oleh itu, kemahiran ini perlu dipelajari.

Pensyarah tidak akan memberi nota yang lengkap kepada pelajar dan apabila pensyarah menerangkan dalam bentuk lisan, pelajar akan menulis nota tambahan. Kebiasaan mereka akan menggunakan ejaan singkatan semasa menulis untuk mengejar apa yang pensyarah mereka katakan. Dalam kemahiran

menulis, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2002) menyatakan sebenarnya, sesiapa sahaja yang menulis laju menggunakan huruf-huruf sambung dia cenderung menulis dengan cara-cara yang ringkas. Misalnya, tentang menjadi ttg, sebagai menjadi sbg.

Kebiasaannya, tugas yang diberikan oleh pensyarah adalah dalam Bahasa Inggeris. Ini menyebabkan pelajar mengambil masa untuk menyiapkannya. Satu kelemahan jenis kemahiran menulis ini ialah mengambil masa untuk menulis dan berfikir dan ini mungkin menyebabkan kelambatan (Zakaria Ahmad, 1995). Oleh itu, para pelajar lebih cenderung menggunakan perkataan-perkataan yang mudah semasa membuat tugas. Ini selari dengan pernyataan Hashim Fauzy Yaacob (1997) yang menyatakan apa juga bentuk komunikasi yang menggunakan tulisan, ia harus mudah, jelas, tidak terlalu panjang dan padat. Menulis memerlukan kemahiran bahasa seperti bertutur, membaca, mengeja dan seterusnya. Kemahiran menulis yang efektif amat penting untuk kejayaan akademik dalam satu sistem persekolahan.

Dalam aspek berinteraksi pula, pelajar kurang gemar menggunakan Bahasa Inggeris semasa menghantar email kepada kawan-kawan walaupun kebanyakan maklumat dalam internet adalah dalam Bahasa Inggeris. Ini bertentangan dengan pendapat oleh Koutsogiannis dan Mitsikopoulou (2004) yang menyatakan internet adalah sebagai '*'safehouse'*', membina ruang pilihan untuk bersosial dan mengambil bahagian dalam perbualan. Pelajar dapat meningkatkan penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris melalui internet dengan ber'*'chatting'*' dan menulis email dalam Bahasa Inggeris.

Tahap Kemahiran Mendengar Dalam Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar.

Kemahiran seterusnya yang dipraktikkan oleh pelajar ialah kemahiran mendengar. Tahap kemahiran mendengar dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah pada tahap sederhana. Tanpa mendengar, pelajar tidak akan dapat sesuatu ilmu itu dengan berkesan. Dengan mendengar, mereka dapat membuat pemahaman sendiri di mana kemahiran mendengar adalah untuk memahami, menganalisis dan bertindak balas. Iaitu pertama, mendengar dan memahami idea-idea dan pandangan orang lain, memahami idea yang diutarakan, seterusnya menaakul iaitu memproses maklumat yang diperolehi dan akhirnya menolak atau menerima idea (Aniha Mat Soh, 2003). Secara tidak langsung ia akan menjadikan ia satu komunikasi yang berkesan. Sebagai penerima, keberkesanan komunikasi bergantung kepada kemahiran mendengar. Cara kita berkomunikasi dikatakan berkesan apabila orang itu faham betul-betul seperti apa yang dimaksudkan (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1999).

Semasa di dalam waktu kuliah, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku menghendaki seseorang pelajar itu mendengar dengan teliti. Pelajar lebih gemar untuk duduk di bahagian tengah dan belakang berbanding di bahagian hadapan. Ini kerana pelajar mempunyai rasa takut dan bimbang apabila dipilih untuk disoal oleh pensyarah. Walhal sebenarnya menurut Ab. Rahim Selamat (2000), apabila mendengar kita perlu hormat kepada pengucap dengan tumpukan sepenuh perhatian. Pilih tempat duduk dimana seseorang itu dapat melihat orang yang bercakap. Pelajar perlu memilih untuk duduk dekat dengan sumber suara seperti guru atau pembesar suara untuk mendapat pendengaran yang baik.

Walaupun tidak duduk di bahagian hadapan, pelajar sentiasa memberikan perhatian apabila kuliah dalam Bahasa Inggeris dijalankan. Ia disokong oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2002) bahawa kemahiran mendengar memerlukan seorang pelajar itu fokus dan memberikan tumpuan terhadap sesuatu yang di ajar. Dengan mendengar, seseorang itu dapat menolong individu-individu lain kerana dia dapat merasakan apa yang mereka rasakan dan dapat berfikir dengan menggunakan sudut pandangan mereka.

Apabila pelajar tidak memberikan fokusnya terhadap pembelajaran, kemungkinan untuk mereka tidak faham adalah tinggi. Oleh itu, amalan yang biasa mereka amalkan ialah mereka bertanya sekiranya tidak faham dan meminta penerangan dengan lebih lanjut lagi. Kemudian, mereka akan ulang kata-kata orang itu dengan menggunakan kata-kata sendiri dan membuat ringkasan sendiri dari apa yang telah mereka

dengar. Untuk pemahaman lanjut, kaitkan apa yang dikatakan dengan apa yang anda tahu. Sebagai contoh guru menerangkan tentang sesuatu konsep dan pelajar perlu kaitkan dengan situasi kehidupan sehari-hari di mana ini akan dapat membantu pelajar faham dengan lebih mendalam. Apabila pelajar tidak faham, mereka akan meminta penerangan lanjut. Ini turut disokong oleh Owi Kim Huei (2004) yang menyatakan bahawa teknik ini kerap digunakan dalam meningkatkan lagi penguasaan mereka terhadap kemahiran mendengar.

Tahap Kemahiran Bertutur Dalam Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar.

Kemahiran bertutur merupakan salah satu lagi aspek yang penting dalam mengetahui penguasaan Bahasa Inggeris pelajar. Tahap kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah pada tahap yang rendah. Walaubagaimanapun, mereka mempunyai rasa yakin apabila bertutur dalam Bahasa Inggeris. Ini selari dengan pendapat Peter F. Olivia (1991) yang menyatakan bahawa guru yang kurang yakin dengan kebolehan komunikasinya akan berasa tidak selesa semasa menjalankan perbincangan atau sebagainya di dalam kelas.

Pelajar juga mengamalkan teknik bertutur dengan jelas dimana jika ia tidak jelas, penerima mesej tersebut tidak akan memahami apa mesej yang di sampaikan olehnya. Ia turut disokong oleh Asiah Sarji (1997) yang menyatakan setiap kata yang diucapkan hendaklah disampaikan dengan jelas, teratur dan terang. Di samping itu juga, bahasa yang sering digunakan oleh pelajar adalah bahasa yang mudah difahami agar komunikasi antara dua hala berlaku dengan berkesan. Ini disokong oleh Sallehuddin, Jalleluddin dan Ishak (2003) yang menyatakan bahasa yang digunakan seharusnya adalah bahasa percakapan dan pertuturan, bukannya bahasa penulisan. Penggunaan bahasa moden, canggih atau terminologi tertentu perlu dielakkan melainkan jika terpaksa. Sekiranya perkataan tersebut digunakan, ianya perlu dijelaskan dalam bahasa yang boleh difahami oleh pendengar.

Selain daripada itu, pelajar juga dapat mengembangkan kemahiran bertutur dan menyoal dalam Bahasa Inggeris mereka sewaktu perbincangan dalam kumpulan. Ini akan dapat memupuk pelajar menjadikan Bahasa Inggeris sebagai satu alat untuk mereka berkomunikasi. Apabila berhadapan dengan pensyarah pula, ada ketikanya pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi mereka, mahu atau tidak pelajar juga perlu menggunakan bahasanya.

Penggunaan Bahasa Inggeris pada waktu lapang pula seperti berkomunikasi bersama keluarga dan juga rakan-rakan kurang diamalkan di kalangan pelajar. Ini membentuk mereka menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa persekitaran mereka dan menyebabkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang tidak biasa mereka gunakan. Ini disokong oleh Salina Ibrahim (2002) yang menyatakan persekitaran yang baik perlu disediakan untuk menggalakkan penguasaan Bahasa Inggeris supaya perkembangan bahasa tersebut dapat berjalan dengan lancar. Tidak banyak tempat yang menyediakan persekitaran yang sesuai untuk menggalakkan komunikasi pelajar dalam Bahasa Inggeris. Jika pelajar menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi di rumah atau di kolej kediaman, maka sudah tentu terasa ganjil untuk menukarannya di bilik kuliah atau di fakulti.

Persepsi Pelajar Mengenai Kepentingan Penguasaan Bahasa Inggeris Sebagai Persediaan Untuk Kerjaya

Setelah mengkaji tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, penyelidik mengkaji pula persepsi pelajar mengenai kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya. Daripada dapatan kajian yang telah diperolehi, pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi dan menganggap penguasaan Bahasa Inggeris adalah penting untuk kerjaya mereka. Ini turut disokong oleh Salina Ibrahim (2002) yang menyatakan kefasihan berbahasa Inggeris harus disokong oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman antaranya berasaskan sikap dan penerimaan individu terhadap kepentingan mempelajari bahasa tersebut.

Pelajar-pelajar berpendapat penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal dapat meningkatkan tahap penguasaan mereka. Salah satu cara untuk menguasainya lagi ialah dengan mengikuti kursus dan tidak pernah rasa jemu untuk mempelajarinya. Ini selari dengan pendapat oleh Tarmizi Amran (2003) yang menyatakan bahawa kesedaran tentang keperluan dan kepentingan Bahasa Inggeris akan menimbulkan sikap yang positif di kalangan pelajar. Ini akan mendorong pelajar sehingga sanggup berbelanja sendiri membeli bahan sokongan pembelajaran dan seterusnya bersedia untuk menggunakan untuk kerjaya mereka.

Hasil kajian yang didapati oleh penyelidik juga adalah sama dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd. Nasir Md. Desa (2003) dimana beliau mendapati persepsi guru teknikal terhadap kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Mata pelajaran Teknikal adalah tinggi.

Keseluruhannya, tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar adalah pada tahap sederhana sahaja. Kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris adalah penting. Ia digunakan di dalam pembelajaran dan melibatkan semua kemahiran ini iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kemahiran-kemahiran ini bukan sahaja digunakan dalam menuntut ilmu, tetapi ia juga akan digunakan dalam kerjaya mereka kelak contohnya seperti mendengar arahan pihak atasan, membaca ilustrasi, menggunakan tulisan seperti memo, surat bertaip, notis, bercakap seperti berbual, berucap, memberi arahan dan bermacam-macam lagi (Owi Kim Huei). Oleh itu, para pelajar perlu menguasainya dalam memantapkan lagi kemahiran-kemahiran mereka supaya dapat memberikan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Rumusan

Dalam bahagian ini, rumusan yang akan dipaparkan ialah berdasarkan persoalan kajian penyelidik. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian B yang merangkumi tahap penguasaan Bahasa Inggeris dari aspek kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur manakala bagi bahagian C pula meliputi persepsi pelajar mengenai kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya.

Bagi kemahiran membaca, data menunjukkan tahap kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Dapatkan mendapati teknik-teknik atau amalan yang gemar diamalkan oleh pelajar bagi kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris ialah merujuk kamus apabila tidak tahu makna sesuatu perkataan, menentukan teknik membaca yang sesuai, menandakan ‘highlight’ pada bahagian penting dan membaca soalan dalam Bahasa Inggeris berulang kali untuk memahami soalan tersebut.

Manakala daripada kajian ini juga didapati, amalan atau teknik-teknik kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris yang kurang diamalkan bagi pelajar-pelajar ini ialah membaca buku-buku rujukan dalam Bahasa Inggeris sebelum kuliah diadakan, membaca artikel-artikel, membaca surat khabar dan membaca novel pada waktu lapang.

Bagi tahap kemahiran menulis dalam Bahasa Inggeris pula, hasil analisis yang diperolehi adalah pada tahap sederhana. Amalan atau teknik-teknik yang biasa diamalkan oleh pelajar bagi kemahiran menulis dalam Bahasa Inggeris ini ialah dapat menyampaikan sesuatu yang berkesan hanya melalui penulisan, mencatatkan nota dalam Bahasa Inggeris yang disampaikan oleh pensyarah, menggunakan dua bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) semasa membuat nota dan menggunakan ejaan singkatan semasa menulis.

Kajian juga menunjukkan pelajar kurang gemar melakukan amalan atau teknik-teknik berikut bagi menguasai kemahiran menulis dalam Bahasa Inggeris iaitu mengambil masa untuk menyiapkan tugas,

menggunakan perkataan-perkataan yang mudah semasa membuat tugas, menulis nota kuliah dan menghantar Email kepada kawan-kawan.

Dalam bahagian seterusnya, dapatan kajian yang telah didapati menunjukkan tahap kemahiran mendengar dalam Bahasa Inggeris pelajar adalah berada pada tahap yang sederhana. Amalan atau teknik-teknik yang biasa digunakan oleh pelajar dalam menguasai kemahiran mendengar dalam Bahasa Inggeris ini ialah dapat membuat pemahaman dari apa yang telah didengar, meminta lebih banyak penerangan atau maklumat lanjut apabila tidak memahami apa yang dimaksudkan, ulang kata-kata orang itu dengan menggunakan kata-kata sendiri, membuat ringkasan dari apa yang diucapkan, mengaitkan apa yang dikatakan dengan apa yang mereka tahu, memberikan perhatian semasa kuliah serta mendengar program radio berbahasa Inggeris.

Manakala daripada kajian ini juga mendapati, amalan atau teknik-teknik kemahiran mendengar dalam Bahasa Inggeris yang pelajar kurang gemar gunakan ialah duduk di barisan hadapan semasa kuliah dan mendengar perbualan dalam Bahasa Inggeris berbanding membaca sarikata ketika menonton televisyen.

Daripada hasil analisis yang diperolehi bagi tahap kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris pula, ia merupakan satu-satunya kemahiran yang berada pada tahap yang rendah. Amalan atau teknik-teknik bagi kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris yang biasa digunakan oleh pelajar ialah yakin bertutur dalam Bahasa Inggeris, bertutur dengan jelas, menggunakan istilah yang mudah difahami, menyemak sebutan perkataan Bahasa Inggeris, mengembangkan kemahiran menyuaral semasa perbincangan dalam kumpulan, mengembangkan kemahiran bertutur semasa perbincangan dalam kumpulan serta menjawab soalan lisan dengan kadar yang agak lambat.

Walaubagaimanapun, ada amalan atau teknik-teknik bagi kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris yang kurang gemar digunakan oleh pelajar iaitu bercakap dengan lancar dan tidak gugup semasa di hadapan pensyarah, menggunakan Bahasa Inggeris apabila berbincang dengan pensyarah, bertanya soalan kepada pensyarah semasa kuliah menggunakan Bahasa Inggeris, membentangkan hasil projek atau tugas, bercakap dalam Bahasa Inggeris bersama rakan-rakan dan bersama keluarga semasa di rumah.

Kajian pada bahagian seterusnya ini adalah untuk mengetahui persepsi pelajar mengenai kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk kerjaya. Hasil dapatan menunjukkan kesedaran yang positif dan tinggi di kalangan pelajar bahawa penguasaan Bahasa Inggeris adalah amat penting sebagai persediaan untuk kerjaya.

Berikut merupakan item-item yang positif yang diklasifikasikan oleh pelajar sebagai penguasaan Bahasa Inggeris itu penting untuk kerjaya mereka nanti iaitu penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal dapat meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, penggunaannya dalam pengajaran penting selaras dengan istilah dan konsep sains, teknologi dan kejuruteraan terdapat dalam Bahasa Inggeris, berusaha mencapai kejayaan dalam menguasainya, sanggup mengikuti kursus untuk meningkatkan mutu dan tahap penguasaan komunikasi lisan dan tulisan, tidak pernah jemu mempelajari Bahasa Inggeris bagi meningkatkan komunikasi lisan dan tulisan, sanggup berbelanja sendiri membeli bahan sokongan pembelajaran, sanggup menggunakan bahan rujukan dalam Bahasa Inggeris, bersedia untuk membaca bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris.

Selain daripada itu, pelajar juga berpendapat penguasaan Bahasa Inggeris memberi kelebihan kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan lebih yakin dan dapat membantu pelajar mendapat peluang pekerjaan yang lebih mudah.

Rujukan

- Ab. Rahim Selamat (2000). Kemahiran Dalam Sekolah Bestari. Johor Bharu: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1997). Komunikasi Untuk Pemimpin. Rawang: Nohaz Cetak Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1999). Komunikasi Untuk Guru. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2000). "Kemahiran Interpersonal Untuk Guru." Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2000). Teori Dan Teknik Ucapan Berpengaruh. Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2002). Komunikasi Di Tempat Kerja. Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation Sdn. Bhd.
- Abdullah Majid (1995). Bahasa Inggeris Dalam Arus Pembangunan Negara. Satu Tinjauan Umum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam, E. (1975). In service Education and Teachers Centres. New York: Pergamon Press.
- Ahmad Kamil Mohamed (1995). *Keunggulan Berkomunikasi*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn. Bhd.
- Ahmad Yuzaidi Abdul Wahab (2003). *Hubungkait antara Kesediaan dan Kemahiran Penggunaan Bahasa Inggeris di Dalam Pengajaran di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Aniha Binti Mat Soh (2003). *Keperluan Persediaan Pelajar Dari Segi Kemahiran Generik Untuk Memenuhi Keperluan Industri*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Asiah Sarji (1997). *Keadaan Dan Permasalahan Penulis Dan Penulisan Skrip*. Kuala Lumpur: Fanas Dan UKM.
- Atan Long (1988). *Pedagogi Kaedah Mengajar Am*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizah Abdul Rahman dan Sharifah Md. Nor (1993). *Pendidikan Vokasional dalam Reformasi Pendidikan di Malaysia. Satu Analisa*. 37(78), 56-67.
- Bloom, B.S (1976). *Human Characteristic At School Learning*. New York: Mc Graw Hill.
- Cates, W.M. (1985). *A Practical Guide To Educational Research*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1994). *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.